

KEPENTINGAN TEORI KITARAN MALEK BENNABI KEPADA TAMADUN HARI INI

Abdul Qayyum Abdul Razak^{1,2}, Adlina Ab Halim², Zaid Ahmad²
& Normala Othman²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia, (E-mail: qayyum@uitm.edu.my)

²Faculty Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, Corresponding author, (e-mail: adlina@upm.edu.my)

ABSTRACT

E-JITU

Acceptance date:
15 August 2022

Valuation date:
18 October 2022

Publication date:
31 December 2022

Artikel ini membincangkan konsep dan kepentingan teori kitaran Malek Bennabi terhadap tamadun masa kini. Selain itu, artikel turut mengetengahkan latar belakang kehidupan Malek Bennabi secara ringkas. Artikel ini juga membincangkan idea dan karya Malek Bennabi yang berkaitan dengan isu ketamadunan. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen dan analisis sejarah terhadap buku Malek Bennabi dan lain-lain dokumen yang berkaitan isu kajian. Kesimpulan menjelaskan bahawa konsep kitaran tiga fasa Malek Bennabi mempunyai kepentingan dan berkaitan dengan situasi tamadun semasa hari ini.

Keywords: Malek Bennabi, teori kitaran tamadun

THE IMPORTANCE OF MALEK BENNABI'S CYCLE THEORY TO TODAY'S CIVILIZATION

ABSTRACT

This article discusses the concept and importance of Malek Bennabi's cycle theory to modern civilization. In addition, the article also briefly highlights the background of Malek Bennabi's life. This article also discusses the ideas and works of Malek Bennabi related to the issue of civilization. The methodology used is document analysis and historical analysis of Malek Bennabi's book and other documents related to the study issue. The conclusion explains that Malek Bennabi's three-phase cycle concept has significance and is related to the current situation of civilization today.

Keywords: Malek Bennabi, civilization cycle theory

PENDAHULUAN

Dunia Islam pada abad ke 20 Masihi berada dalam tempoh kejatuhan politik dan berada dalam situasi tidak stabil. Selain faktor dalam yang membelenggu mereka seperti krisis ekonomi dan pergolakan politik dalaman, situasi bertambah buruk apabila Barat menjalankan proses kolonial besar-besaran mereka terhadap negara-negara Islam. Oleh itu, Dunia Islam menyaksikan pertembungan ini dengan kemunculan pemikir-pemikir Islam seperti Jamaludin al-Afghani, Rashid Rida, Muhammad Abduh, Muhammad Iqbal dan sebagainya termasuklah Malek Bennabi dari negara Algeria. Malek Bennabi dikenali di Timur Tengah dan Afrika Utara antara watak penting dalam membangun semula Dunia Islam semasa dan selepas kolonialisme Barat. Bennabi hadir dengan suatu bentuk idea dan pemikiran baharu ketika itu cuba mengetengahkan idea dan teori tamadunnya bagi mengubah dan membangun semula budaya dan tamadun Islam supaya mampu mendepani cabaran Eropah.

KEHIDUPAN MALEK BENNABI

Malek Bennabi dilahirkan pada 1905 Masihi di Contantine, Algeria. Beliau mendapat pendidikan agama di *Kuttab*, sebuah sekolah agama dan sekolah rendah bawah kerajaan penjajah Perancis. Beliau membesar di bawah penjagaan neneknya dan Kembali semula ke jagaan ibu bapanya.

Beliau hidup dalam keadaan yang sempurna dan sederhana seperti mana orang-orang kampungnya. Kehidupan yang susah menjadikan bennabi seorang yang tidak mengenal erti putus asa untuk membaiki kehidupannya. Pada tahun 1921, iaitu kira-kira umur 16 tahun beliau memasuki sekolah agama yang dikenali *Madrasah Constantine*. di sini beliau mempelajari ilmu agama, sirah, bahasa Arab dan feqah (Sheriff, 2018). Beliau juga suka bersosial bersama rakan-rakannya membincangkan isu-isu dalam negara dan luar negara khususnya berkaitan dasar penjajahan Perancis.

Selain memperoleh pendidikan agama, beliau kemudian melanjutkan pelajaran hingga ke Perancis dan mendalami ilmu kejuruteraan elektrik di sana. Bennabi meminati bidang sains dan selalu menyebut mengenai kecanggihan dan pencapaian teknologi yang dimiliki Perancis dan Barat. Selain bidang intelektual, beliau juga aktif berpersatuan seperti *l'Association des Etudiants Musulmans Nord-Africains* (AEMNA), iaitu sebuah persatuan pelajar-pelajar Muslim Afrika di Perancis, *Association des Oulemas d'Algerie* iaitu Persatuan Ulama-ulama Algeria dan lain-lain (*Britannica*, 2022). Antara tokoh yang mempengaruhi minat beliau mendalami isu-isu semasa umat Islam ialah Syeikh Ben Badis (El-Mesawi, 2007). Pengaruh Syeikh melalui *Majallat al-Muntaqid* mempunyai mesej besar dalam diri beliau. Beliau juga mula mendalami karya *Muqaddimah* Ibn Khaldun khasnya mengenai teori dan isu tamadun kitaran.

Pada tahun 1956 Malik Bennabi berhijrah ke Mesir untuk mencari pengalaman hidup dan meneruskan aktiviti inteleknya bersama tokoh-tokoh ilmuwan Islam di sana. Kemudian, Malik Bennabi pulang ke Algeria dan meneruskan aktiviti ceramah dan penulisan di akhbar-akhbar dan buku-buku. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan Nasional Algeria. pada tahun 1973 dalam usia 68 tahun, beliau meninggal dunia di rumahnya dan pemergiannya dianggap suatu kehilangan besar bagi Dunia intelektual Islam (Bariun, 1993).

PERBINCANGAN TAMADUN MENURUT MALEK BENNABI

Bennabi dikenali sebagai tokoh intelektual khususnya dalam ilmu ketamadunan. Kebanyakan buku-buku yang dihasilkan berada di bawah tema atau tajuk besar iaitu tamadun yang dikenali dengan *Mushkilat al-hadarah*. Kandungan buku di bawah tajuk ini seperti *al-Zahirat al-Qur'aniyyah* (fenomena al-Quran), *Shurut al-Nahdah* (syarat-syarat kebangkitan), *Islam in History and Society* (Islam dalam sejarah dan masyarakat), *Mushkilat al-Thaqafah* (Permasalahan budaya), *Milad al-Mujtama'* (Kelahiran masyarakat), *Mushkilat al-Afkar fi al-Alam al-Islami* (Permasalahan pemikiran Dunia Islam), *Ta'ammulat*, *Min Ajl al-Taghyir*, *Muslim fi 'Alam al-Iqtisad* dan termasuk penulisan memoir beliau iaitu *Muzakkirat Shahid lil Qarni* (Bariun, 1993).

Dalam hal ini, antara sebab utama isu tamadun menjadi isu terpenting bagi Bennabi ialah kerana berkaitan dengan konteks sejarah kehidupan dan pengalaman beliau yang menghadapi era penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam khususnya Algeria. Pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M, kebanyakan dunia Islam ditindas dan dikuasai pihak kolonial Eropah. Antara buku yang membincangkan isu ketamadunan secara jelas ialah *Shurut al-Nahdah* dan *The Problems of Ideas in Muslim World*. Malik Bennabi mengemukakan beberapa isu masalah tamadun, iaitu tamadun Islam mengalami tempoh kebekuan (*stagnation*) yang begitu lama selepas kejatuhan al-Muwahhidun pada abad ke-15 Masihi. Dalam tempoh ini umat Islam tidak berupaya untuk bangkit dengan 'idea' baharu untuk mengukuh semula kedudukan tamadun Islam di peta dunia. Sedangkan dalam masa yang sama, di Barat aktiviti dan ideologi modernisme dan liberalisme hasil daripada *Enlightment* mereka mula berkembang dengan pesat. Aktiviti ini menjadi kemuncak pada peristiwa *Renaissance* (14-17 Masihi), Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis pada akhir abad ke 19 Masihi.

Keadaan kebekuan (*stagnation*) ini merebak ke dunia Islam melalui pemikiran sosial masyarakat Islam seperti salah tafsir kehidupan beragama. Sebagai contoh, ada tafsiran agamawan yang menyebut bahawa dunia ini seperti berada di hujung tanduk, umat Islam tidak harus mengejar kekayaan dunia kerana kemungkinan akan menjadi bankrupt di akhirat akibat salah guna kekayaan, gerakan tasawuf atau tariqat yang meninggalkan kehidupan dunia serta mengabaikan ilmu-ilmu seperti sains dan kejuruteraan. Masalah dalam dunia

Islam ditambah dengan amalan masyarakatnya yang bersenang dan tidak berusaha untuk keluar dari ‘psiko-sosial’ mundur ini. Musuh berbentuk ‘dalaman’ ini mencengkam kebanyakan kehidupan masyarakat jauh lagi untuk mereka mengartikulasi sumber dan potensi kemanusiaan. Oleh sebab itu, musuh utama dunia Islam ketika itu ialah halangan psikologi mereka sendiri (Muhammad Kamil, 1995).

Malik Bennabi menambah, musuh kedua yang menambah parah ialah penjajahan Barat. Pada abad ke-19 dan 20 Masihi, Eropah memperluas imperialisme mereka hampir ke seluruh dunia. Negara-negara umat Islam tidak mampu melawan penjajah dan menerima kedatangan mereka dalam keadaan terpaksa. Situasi ini menjadi lebih buruk apabila penjajah menggunakan kekuatan ketenteraan mereka mengaut hasil bumi tempatan dan menggunakan apa sahaja kaedah yang boleh memberi keuntungan dan kelebihan pada mereka sekalipun terpaksa menekan penduduk tempatan.

KONSEP DAN TEORI KITARAN TAMADUN

Dalam menjelaskan teori kitaran tamadun, Bennabi (2006) menyebut bahawa tamadun akan melalui fasa tertentu yang bergerak dan berkembang iaitu: *Civilization presents itself as a numerical series following its course in similar but not-identical terms. Thus appears an essential notion of history: the cycle of civilization. Each cycle is defined by certain psy-cho-temporal conditions proper to a social group: it is a “civilization” in these conditions. Then the civilization migrates, shifts its abode, and transfers its values in another area. It thus perpetuates itself in an indef-inite exodus, through successive metamorphoses: each metamorphosis being a particular synthesis of man, soil, and time.*

Daripada kenyataan ini pula, boleh difahami bahawa tamadun menurut Malik Bennabi ialah siri pergerakan yang melalui tahap-tahap tertentu yang mana ia bergerak dalam sejarah yang dipanggil kitaran tamadun. setiap kitaran diwakili keadaan psiko-sosial tertentu bagi setiap kumpulan sosial iaitu tamadun. kemudian, tamadun ini akan bergerak, berpindah dan mengalih nilai tamadunnya ke kawasan lain. Dengan itu, ia mengekalkan dirinya dalam keadaan eksodus tak menentu, dan melalui metamorfosis berturutan di mana setiap keadaan metamorfosis itu mensintesis dirinya dalam tiga elemen iaitu manusia, tanah, dan masa. Menurut kenyataan ini, Bennabi menyimpulkan bahawa tamadun bergerak dari satu tahap tamadun ke tahap yang lain dalam kitarannya. Dan setiap tahap mempunyai masyarakat yang mempunyai kondisi psiko-sosial yang sama (yang boleh mewakili sesuatu kumpulan masyarakat). Kitaran tahap ini sentiasa bergerak dan mengambil masa yang sesuai untuk ia berpindah ke tahap yang lain mengikut bagaimana sintesis antara manusia, tanah dan waktu itu berfungsi. Sekiranya manusia dalam sesebuah masyarakat itu mengambil peranan yang betul dan berfungsi dengan baik, maka natijahnya akan dilihat kepada tahap tertentu.

Peringkat pertama; fasa *ruh* (semangat agama)

Fasa pertama ialah fasa *ruh*, fasa ini di mana masyarakat mula menerima agama dan cuba menterjemahkannya dalam kehidupan harian. Kehidupan masyarakat ini dipengaruhi oleh agama dalam segenap kehidupan mereka. Masyarakat mula belajar bagaimana cara berorganisasi sosial semasa mereka, bekerjasama dalam kegiatan politik dan ekonomi. Malik Bennabi mendatangkan contoh bagaimana Rasulullah SAW menanam rasa beragama dalam segenap aspek hidup masyarakat *jahiliyyah*, dengan mengajar tujuan hidup, ibadat yang semuanya menjurus kepada perbuatan baik sesama pencipta, sesama manusia dan alam. Pandangan hidup *worldview* ini mengubah masyarakat ketika itu untuk mentransformasi budaya mereka. Malik Bennabi menegaskan perkara ini dalam perbahasannya mengenai kebangkitan tamadun. Beliau menjelaskan, gagasan agama tiba membentuk spiritual hingga agama ketika itu berjaya mendominasi keseluruhan jiwa sesebuah masyarakat (Ajat, 2010).

Bennabi dalam Badrane (2013) menyatakan bahawa fasa ini menjelaskan lagi ia merujuk kepada keadaan masyarakat yang mempunyai jaringan hubungan sosial yang tinggi di mana digambarkan Bennabi sebagai ‘firm and compact building’ (bangunan yang tetap dan kukuh). Ia disebut dalam al-Qur’an surah al-Saff, ayat keempat yang bermaksud “ketahuilah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh”. Agama mencetuskan motifnya untuk mencetuskan tindakan bersama antara masyarakat untuk membina tamadun dan menolak kecuaiian dan kebekuan masyarakat.

Fasa ini menurut Badrane (2013) tidak kekal, ia akan berubah menurut persekitarannya seperti kecenderungan kepada kehendak materialisme, perluasan kuasa dan sebagainya. Masyarakat yang berada dalam fasa ini mempunyai kekuatan jiwa yang membawa kepada timbulnya refleksi dengan tanah dan waktu. Menurut Bennabi, (2006), generasi fasa ini ialah generasi awal Islam seperti Bilal RA yang tetap dengan pendirian akidahnya walaupun disiksa oleh masyarakat *Jahiliyyah* ketika itu. Dalam konteks masa, tempoh untuk fasa ini hanya bertahan sejak dari zaman pemerintahan Nabi SAW, Khulafa’ al-Rashidin dan bermula pengakhirannya dalam peristiwa perang Siffin, iaitu perang saudara yang melibatkan kebanyakan para sahabat Nabi SAW.

Fasa kedua; fasa ‘*aql* (rasional)

Fasa kedua ialah fasa rasional, fasa ini menekankan bahawa masyarakat ketika di fasa ini dikuasai oleh akal mereka. Agama atau ruh dalam jiwa masyarakat ketika ini banyak berhubung dengan kekuatan akal. Akal kadang kala berupaya mendominasi agama dalam masyarakatnya. Setelah beberapa tahun sesebuah tamadun berkembang, wilayah berkembang, isu dan masalah pelbagai hingga yang merumitkan. Manusia mula menggunakan ‘akal’nya bagi mendepani isu dan permasalahan yang ada. Ketika ini, akal cuba menjustifikasi tindakannya dalam

hal-hal tertentu. Tindakan masyarakat dalam membina tamadun masih lagi bergerak seperti biasa seperti mana diteruskan oleh Zaman Kerajaan Umayyah, ‘Abbasiyyah, Ayyubiyyah dan sebagainya.

Penerusan dalam pergerakan dan pengembangan tamadun masih bergerak kerana adanya *forces faith of breath* (tujahan kuasa agama) dalam masyarakat yang sebelumnya (Bennabi, 2007). Namun dalam masa yang sama, terdapat penurunan dalam keberkesanan tindakan bersama (*social relation network*). Tamadun juga mencapai waktu di mana pelbagai masalah baharu yang timbul dalam politik, ekonomi dan sosial. Bennabi mengemukakan contoh iaitu zaman Renaissance Eropah dan kemunculan kerajaan Umayyah merupakan kitaran baharu dalam fasa rasional.

Menurut Badrane (2013) lagi, dari aspek psikologi, manusia pada era ini telah mula beransur-ansur hilang ruhnya, iaitu agama dalam manusia itu tidak lagi dapat menguasai dirinya. Sedikit demi sedikit agama mula hilang peranannya dan manusia mula mendahulukan rasionalnya melebihi elemen agamanya. Dalam masa yang sama, muncul kerosakan, kelompangan dan krisis-krisis yang dapat dilihat dalam peristiwa tamadun. Proses ini berlaku secara perlahan-lahan dalam peristiwa-peristiwa misalnya masyarakat Muslim mengalami kerosakan pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyyah, gerakan nasionalis di Parsi dan lain-lain. Tempoh fasa ini bertahan untuk beberapa abad sebelum fasa ini dikuasai pula oleh pengaruh naluri.

Fasa ketiga; fasa naluri

Fasa terakhir, ialah fasa naluri (instinctive), menurut Ajat (2010), fasa ini ialah fasa kekacauan dan kelemahan. Menurut Malik Bennabi, akal telah kehilangan fungsinya dan manusia mula memasuki ruang gelap dalam lipatan sejarah mereka. Naluri telah menguasai agama dan rasional akal seperti yang pernah mereka kecapai pada fasa pertama dan kedua. Naluri masyarakat tidak lagi dipandu oleh agama dan rasional seperti generasi sebelum mereka. Contoh ini berlaku setelah kejatuhan tamadun iaitu pada akhir zaman kerajaan ‘Abbasiyyah dan zaman *Muluk al-Tawa’if* di Andalus. Kekacauan yang dimaksudkan ialah keruntuhan sosial masyarakat seperti rasuah, pecah amanah, tiada pegangan agama dan sebagainya. Mereka ini yang digelar masyarakat yang berada di kawasan *kharj al-hadharah* (luar tamadun).

Agama yang sebelumnya berperanan sebagai pencetus dan katalis kepada fungsi jaringan kemasyarakatan telah hilang. Ia juga menghentikan fungsi manusia sebagai makhluk berakal dan berimaginasi untuk sentiasa maju dan menuju kecemerlangan. Malik Bennabi juga menamakan keadaan ini sebagai masyarakat *pasca al-Muwahhidun* iaitu dikaitkan dengan tipologi manusia pasca peradaban tidak lagi efektif menggerakkan atau memajukan peradabannya walaupun mempunyai sumber dan masa. Ini bermakna, sintesis antara manusia, tanah dan waktu turut tidak berlaku untuk menghasilkan tamadunnya (Badrane, 2013).

KEPENTINGAN TEORI KITARAN BENNABI KEPADA TAMADUN HARI INI

Wacana kepada situasi dan perkembangan masyarakat dan negara dunia islam dulu dan kini

Dalam aspek kepentingan politik Dunia Islam, negara-negara umat Islam secara keseluruhan masih dilihat bergantung kepada negara Barat. Boleh dikatakan tiada satu pun negara Islam yang mampu menyaingi kekuatan politik Barat seperti Amerika Syarikat, British, Perancis dan lain-lain. Jika dilihat dari perspektif kegemilangan sejarah umat Islam, tamadun Islam pernah menguasai politik dunia dan digeruni pihak Eropah (Barat). Pencapaian ekonomi dan sains dan teknologi menjadikan Kerajaan ‘Abbasiyyah di bawah pemerintahan Khalifah al-Ma’mun dan Harun al-Rashid mencapai kegemilangan dalam politik, ekonomi dan sains (Roziyah Sidik, 2012).

Dalam kitaran tamadun, Bennabi (2007) menyebut bahawa umat Islam telah pun berada dalam fasa terakhir iaitu fasa naluri. Keadaan ini bermula sejak kejatuhan Kerajaan al-Muwahhidun lagi dan berterusan hingga sekarang. Fasa terakhir di sini bermaksud dunia Islam berada dalam situasi tidak mampu membangun semula tamadun dan budaya mereka seperti mana pada zaman kegemilangannya dulu. Kesannya, dunia politik global dikuasai Barat. Amerika Syarikat dan sekutunya bersenang lenang dan sesuka hati menjajah negara dan memonopoli hasil bumi negara dijajah. Dalam konteks Algeria, penjajahan Perancis sebagai contoh menguasai ekonomi Algeria dan meletakkan dasar yang membebankan rakyatnya. Perancis melaksanakan dasar mengutamakan bangsa Eropah dan luar berbanding rakyat tempatan Algeria. Contohnya dalam sector pendidikan, Perancis menggunakan sistem pendidikan mereka sebagai pendidikan kebangsaan Algeria, di mana penggunaan bahasa Perancis sebagai medium pengantara sekolah dan mengenenpikan sekolah agama Islam dan tradisional tempatan sebagai pengajian kedua. Anak-anak kelahiran Perancis dan luar diberikan keutamaan dalam mendapat biasiswa dan kemudahan melanjutkan pelajaran (Bennabi, 1984).

Dalam konteks ekonomi, negara-negara umat Islam di Timur Tengah ialah antara terkaya dengan sumber asli iaitu minyak. Sumber ini merupakan kekuatan ekonomi umat Islam pada masa kini. Namun, sumber tersebut tidak menjadi satu kekuatan dan kesedaran bagi membangkitkan negara-negara Islam sebagai pencabar kepada kekuatan ekonomi Barat. Contohnya Amerika Syarikat yang menguasai sumber minyak Arab Saudi hingga kini. Penguasaan ini secara tidak langsung merupakan penjajahan global oleh pihak-pihak tertentu. Dalam kaitannya dengan fasa kitaran Bennabi, boleh dikatakan istilah ‘colonisibiliti’ iaitu kebolehjajahan umat Islam masih relevan dengan realiti hari ini. Kitaran pertama masih belum dapat dijemakan dalam bentuk kolektif masyarakatnya.

Pembentukan pendidikan sosial dan budaya

Pendidikan menurut Bennabi perlu dipupuk sejak dari kecil, pendidikan juga menjadi medium utama membangkitkan semula kesedaran agama dan tradisi masyarakat Islam. Pendidikan yang sebenar menurut Bennabi perlu diaplikasi dalam konteks ‘pembinaan tamadun’. Ini bermaksud pendidikan yang diajar di sekolah-sekolah perlu dikaitkan dengan matlamat utama negara iaitu pembinaan tamadun yang kukuh. Sahel et al (2019) menyatakan bahawa tamadun merupakan hasil daripada pendidikan sesebuah masyarakat. Ia juga menjadi syarat pendidikan kerana tanpanya ia hanyalah sebuah kegagalan. Analisis Malik Bennabi mengenai dimensi tamadun dalam pendidikan juga dilihat dipengaruhi dari pandangan Ibn Khaldun yang menyebut *al-insan madani bi-tab’i* bermaksud manusia merupakan insan bertamadun (Ibn Khaldun, t.th.). Dalam konteks kitaran tamadun Bennabi, beliau menyebut bahawa hubungan jaringan sosial ialah penentu kepada sintesis manusia, alam dan waktu (Bennabi, 2007). Bennabi (2007) melanjutkan dengan menyatakan bahawa pendidikan sosial dan budaya ialah perkara pertama yang perlu dipupuk sejak dari kecil. Pendidikan yang dipupuk perlu menerapkan perkara kerjasama, hubungan antara masyarakat dan agama sebagai unsur tradisi.

Kegagalan tamadun ialah berpunca daripada kegagalan sistem pendidikan dalam sesebuah masyarakat. Bennabi membawa contoh bagaimana Jepun boleh menjadi kuasa ekonomi dunia walaupun setelah mereka kalah dalam Perang Dunia Kedua. Kebangkitan semula tamadun Jepun kerana mereka berjaya membentuk sistem pendidikan sosial dan pendidikan budaya dalam kehidupan masyarakatnya. Sebagai contoh, masyarakat Jepun telah dididik sejak dari kecil dengan amalan moral dan etika untuk menjaga kebersihan. Jika diperhatikan di sekolah-sekolah tadika mereka, setiap pelajar diberi tugas untuk membersihkan kawasan kelas dan membersihkan habuk dalam kelas dan sebagainya. Amalan seperti ini walaupun mudah dan rendah dipandang, tetapi perbuatan kecil ini memberi kesan kepada pelajar hingga mereka dewasa. Pembudayaan kebersihan dilihat suatu perkara penting dalam masyarakatnya. Pembudayaan ini jika dilihat dalam kerangka idea Bennabi sebagai pendidikan tamadun.

Penghayatan agama dalam kehidupan dulu dan kini

Pembentukan tamadun yang sebenar ialah melalui pengaruh agama. Seperti mana Tonybee juga, Bennabi menyebut bahawa perubahan yang berlaku dalam sesebuah tamadun ialah bermula dari kesedaran agama. Agama ibarat penyuntik semangat kepada kehidupan manusia untuk memulakan proses ketamadunannya. Melalui sejarah zaman pra-Islam, Bennabi menyatakan bahawa agama yang masuk ke dalam jiwa masyarakat Arab Jahiliyah mengubah mereka menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun. Perubahan ini mengambil masa yang lama bermula kedatangan Nabi Muhammad SAW yang mengajar Islam kepada para sahabat RA

hingga penubuhan kerajaan-kerajaan agung selepasnya iaitu Khulafa' al-Rashidin, Umayyah dan Abbasiyyah (Bennabi, 2007).

Seperti mana jaringan sosial dalam masyarakat merupakan faktor penentu kepada proses sumber tamadun manusia, alam dan waktu. Agama merupakan katalis kepada kejayaan sesebuah tamadun. Dalam konteks kitaran tamadun tiga fasa, Bennabi mengemukakan teorinya dengan mengambil sirah Nabi SAW yang memulakan tamadun (Bennabi, 2007). Kepentingan agama dalam kebangkitan tamadun bukan sahaja diakui beliau, tetapi ditegaskan sendiri oleh Huntington dalam bukunya *The Clash of Civilization* (1996): *[O]f all the objective elements which define civilizations, however, the most important usually is religion ... to a very large degree, the major civilizations in human history have been closely identified with the world's great religions.* Kenyataan Huntington di atas menjelaskan bahawa tamadun besar lahir dengan adanya peranan agama di dalamnya. Tamadun India dengan adanya kepercayaan Hinduisme, tamadun Rom dengan adanya kepercayaan Kristian dan sebagainya.

Apa yang ingin dinyatakan di sini ialah pengkaji menyebut bahawa pertama, tidak dapat disyak lagi bahawa agama ialah faktor utama kebangkitan sesebuah tamadun, kedua, agama tidak boleh hanya disebut dalam percakapan harian tanpa adanya penghayatan dalam jiwa dan perbuatan masyarakat Islam. Kesetiaan dan kesedaran beragama akan lahir dalam jiwa manusia yang masuk ke sanubari mereka. Perkataan amanah contohnya, bukan sahaja disebut sebagai suatu tanggungjawab manusia, namun ia adalah tindakan yang datang dari manusia yang dikuasai oleh 'kepercayaan kepada tuhan'. Oleh itu, jika diselusuri sejarah kehidupan Bilal bin Rabah RA, walaupun dihina dan disiksa dengan batu yang berat. Namun batu tersebut tidak sedikit pun mengubah pendirian Bilal terhadap ketauhidan Allah SWT. Begitu juga dengan kisah 'Umar al-Khattab RA setelah masuk Islam, beliau tekad dan berani mengisytihar keislamannya di hadapan pembesar dan penduduk Mekah walaupun tahu risiko yang bakal dihadapinya. Penguasaan agama dalam jiwa generasi awal Islam ini ialah antara kisah yang ditimbulkan Bennabi dalam buku-bukunya mengenai kekuatan agama (Bennabi, 1984).

Umat Islam perlu sedar dari mimpi mereka bahawa Allah SWT tidak akan mengubah nasib mereka selagi mana mereka tidak berusaha untuk berubah dalam al-Quran, surah al-Ra'd, ayat 11. Perubahan datang dengan tekad yang jitu, tekad pula hadir melalui kesedaran agama dalam sanubari manusia. Dalam surah al-Ankabut ayat 45 pula, firman Allah bermaksud "Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar". Dengan penjiwaan sepenuhnya kepada amalan dan makna solat, ia pasti dapat mengubah seseorang Muslim. Justeru, menghadir dan mengusahakan keimanan kepada Allah SWT ialah suatu tuntutan agama kepada umatnya.

KESIMPULAN

Fasa dalam teori kitaran Malek Bennabi menunjukkan bahawa perbincangan yang dikemukakan beliau berkait rapat dengan situasi dan perkembangan dunia hari ini. Perbincangan seperti budaya masyarakat Muslim yang dilihat masih lagi tidak menunjukkan perubahan secara kolektif masyarakatnya. Begitu juga halnya dengan isu aplikasi amalan agama sehingga mampu membawa perubahan jiwa sepenuhnya dalam kalangan umat Islam. Cabaran-cabaran yang hadir seharusnya dilawan dan ditempuh supaya apa yang diinginkan oleh Bennabi dan agama itu sendiri dapat dicapai bagi mendapat keredaan Allah SWT. Oleh itu, suatu proses dan tindakan untuk mencetus kesedaran semula ruh agama perlu diusahakan oleh semua peringkat dalam masyarakat Islam yang berpengaruh supaya mampu merubah nasib umat Islam. Wallahu a'lam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Ajat, Sudrajat. (2010). Sejarah dan Peradaban: Sketsa Pemikiran Malik Bennabi. *Mozaik (Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial dan Humaniora)*, 5 (1). pp. 1-16.
- Bariun, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Benlhcene, Badrane. (2013). *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. UK: International Institute of Islamic Thought.
- Bennabi, Malek. (1984). *Mudhakhirrat Shahid li al-Qarn*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Bennabi, Malek. (1998). *On the Origins of the Human Society*. Terjemahan. Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: The Open Press.
- Bennabi, Malek. (2006). *Islam in History and Society*. Terjemahan. Asma Rashid. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Bennabi, Malek. (2007). *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terjemahan. Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Bennabi, Malik & Rashid, Asma. (1979). "Islam in History and Society," *Islamic Studies*, Jil. 18, Bil. 1, 33-47.
- Berghout, Abdel Aziz & Zakia Berghout. (2015). The pattern of cycle civilization: resemblance between Ibn Khaldun and Malik Bennabi's views, *Journal of Islam in Asia*, Vol. 12(1), 228-245.
- Britannica*. (2022). *Association of Algerian Muslim Ulama*, (2020), <https://www.britannica.com/topic/Association-of-Algerian-Muslim-Ulama> [30 Disember].
- El-Mesawi, M. T. (2007). Religion, Society, and Culture in Malik Bennabi's Thought In book: *The Blackwell Companion to Contemporary Islamic Thought* (pp.213 - 256), DOI:10.1002/9780470996188.ch13.

- Huntington, Samuel P., *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order* (New York: Simon & Schuster, 1996).
- Ibn Khaldun. (t.th.). *Tarikh Ibn Khaldun (al'Ibar wa al-Diwan al-Mubtada' wa l-Khabr fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhaw al-Sultan al-Akbar*. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Muhammad Kamil Abd Majid. (1995). "Problem dunia Islam menurut Malik Bennabi," *Jurnal Usuluddin*, Bil 1, Jun, h. 45-46.
- Sahel, Malika, Louna, S. & Mokrane, F. (2019), The importance of culture and civilization in Malek Bennabi's educational project: the Algerian case, *European journal of social science education and research*, vol. 6(3), 81-87.
- Sheriff, M.A. (2018). *Facets of Faith – Malek Bennabi and Abul A'la Maududi*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 41.
- Sidik @Mat Sidek, R. (2012). Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam Dengan Dunia Islam Masa Kini (Relevance Factor of Islamic Sciences' Excellence towards Muslim World Today). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 1–13. Retrieved from <https://jml.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8552>.
- Usman Syihab. (2009). Agama dan perubahan masyarakat menurut Malik Bennabi. *Afkar* - Bil 10 / 2009 [129-172].